# Tiada keperluan kurangkan jumlah penjawat awam KSN

**KUALA SELANGOR**: Jumlah kakitangan kerajaan sedia ada cukup, tidak lebih dan tidak kurang menurut Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ali Hamsa.

Justeru tegasnya tiada rancangan malah keperluan untuk mengecilkan jumlah penjawat awam atas alasan menjimatkan perbelanjaan negara.

Kata beliau, jumlah ketika ini iaitu seramai 1.6 juta kakitangan seluruh negara adalah seperti ditetapkan kerajaan sejak 2012 selain memaklumkan pengambilan baharu hanya bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan kakitangan bersara.

“Kita tidak akan kurangkan jumlah penjawat awam sedia ada.

“Kerajaan memang prihatin, saya tegaskan sekali lagi kita punya definasi perkhidmatan awam berlainan berbanding negara-negara lain, setiap negara ada definasinya sendiri. Kita punya adalah secara keseluruhan, meliputi semua termasuk juga pasukan keselamatan tentera dan polis,” katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan dan perasmian Dewan Rafulin di SMK Raja Muda Musa di sini hari ini.

Ketika ini kerajaan membelanjakan sekitar RM74 bilion setahun untuk menggaji penjawat awam di pelbagai sektor.

Pada Jumaat, Menteri Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani menafikan pernah mengeluarkan kenyataan mengatakan terbeban daripada perbelanjaan yang diperuntukkan untuk membayar penjawat awam.

Menurut Ali, perbelanjaan tersebut akan diterjemah supaya dapat membawa pulangan besar kepada kerajaan dengan mengupayakan kakitangan awam supaya berupaya melakukan pelbagai bidang tugas.

“Kita kekalkan jumlah tapi dari segi peranan kita lihat ada beberapa jabatan yang dilihat tidak lagi relevan telah ditutup, misalnya jawatan penaip pun sudah sangat berkurangan. Malah kita minta supaya penjawat awam berupaya ‘*multitasking*.’

“Jadi melihat keperluan masa depan, jawatan-jawatan baru akan diwujudkan terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan kita cuma menempatkan semula kakitangan sedia ada,” maklumnya.
Justeru beliau berharap kakitangan awam dapat memberikan khidmat lebih baik daripada biasa supaya keberadaan mereka dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan perkhidmatan awam, tidak menjadi pembaziran yang perlu ditanggung kerajaan.

Ia juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyatakan tahun 2017 sebagai waktu untuk penyampaian yang terbaik kepada rakyat.